



LEMBAGA AIR SIBU NOTIS SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor/pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kelas/Kategori** dan **Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi kerja, bekalan dan perkhidmatan berikut:-

No. Ruj. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Pendaftaran Kelas, Kategori, Kepala & Sub-kepala	Yuran Dokumen (RM)	Jenis Tawaran (Terbuka/ Terhad kepada Bumiputera Sahaja)	Tarikh dan Masa Bagi Taklimat Sebut Harga dan Lawatan Tapak	Tarikh Tutup Pengambilan / Penjualan Dokumen Sebut Harga	Tarikh Tutup Masa Penyerahan Dokumen Sebut Harga
SWB/QN/ 13/2025	Term Contract for Cleaning Services and Grass Cutting Services for Tanjung Manis Water Supply for Year 2026	Category C only, Head VII, Sub Head 3 & 8	RM50.00	Terbuka	-	11 Ogos 2025 (Isnin)	12 Ogos 2025 (Selasa)

2. Dokumen Sebut Harga hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik/Rakan Kongsi/Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ)**, **SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (jika berkenaan) dan **SURAT PEWAKILAN KUASA** (Jika Berkenaan) sebelum dokumen sebut harga dijual kepada kontraktor/pembekal yang layak.
3. **Taklimat Sebutharga dan Lawatan Tapak** adalah diwajibkan dan Kontraktor yang hadir sahaja akan dibenarkan membeli dokumen Sebutharga. Petender perlu membawa Sijil Asal Unit Pendaftaran Kontraktor dan Perunding (UPKJ) dan “Company Registration (Form 24 and Form 49)” or “Extract of Business Name” untuk pengesahan bagi sesi taklimat. Hanya pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik/ Rakan Kongsi/ Pengarah Syarikat dibenarkan menghadiri taklimat Sebutharga. Kontraktor yang hadir lewat dari masa pendaftaran yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
4. Bayaran yuran Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank**, **kiriman Wang Pos (Money Order)**, **Wang Kiriman Pos Berpalang (Postal Order)**, **Cheque** atau **S Pay Global** yang dibayar atas nama **LEMBAGA AIR SIBU**.
5. Contoh Dokumen Sebut Harga boleh disemak dan boleh diperolehi mulai **30 Julai 2025 @** pada waktu di bawah:
- | | | |
|----------------|---|----------------------------|
| Isnin - Khamis | - | 8:00 pagi ke 1:00 petang |
| | | 2:00 petang ke 5:00 petang |
| Jumaat | - | 8:00 pagi ke 11:45 pagi |
| | | 2:15 petang ke 5:00 petang |

hingga **11 Ogos 2025 @ 12:00 tengahari** di alamat **Lembaga Air Sibu, Km. 5, Jalan Salim, 96000 Sibu**.

Notis Sebut Harga juga boleh di lihat melalui laman sesawang Lembaga di www.swb.gov.my.

6. “Petender adalah dikehendaki untuk mengemukakan Dokumen Sebut Harga **lebih awal dari Tarikh and Masa Tutup** yang ditetapkan untuk mengelakkan kesukaran dan kesulitan semasa berurusan untuk mengemukakan Dokumen Sebut Harga pada hari Sebut Harga ditutup.

Ini adalah berikutan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi oleh pelawat sebelum memasuki premis kerajaan dan bagi memastikan Petender dapat mengemukakan Dokumen Sebut Harga sebelum Tarikh dan Masa Tutup Sebut Harga.

Lembaga **tidak akan bertanggungjawab** sekiranya Petender gagal/lewat untuk mengemukakan Dokumen Sebut Harga pada masa dan tarikh yang ditetapkan disebabkan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi sebelum memasuki premis kerajaan”

7. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik/Wakil Syarikat/Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor** dan **Tajuk Sebut Harga**. Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan selewatnya-lewatnya **jam 12:00 tengahari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah:-

Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Lembaga Air Sibu
Km. 5, Jalan Salim
96000 Sibu

8. Dokumen Sebut Harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
9. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

Pengurus Besar
Lembaga Air Sibu
Sibu